

**Kredibiliti Muhammad bin 'Abd Al-Rahman Al-Sakhawi
(M902H/1496 M) Sebagai Sejarawan**
*The Credibility of Muhammad bin Abdul Rahman al-Sakhawi
(M.902H/1496M) as Historian*

Mohd Akmal Sidik¹
Universiti Teknologi Mara

Noorzahidah Mohd Zain & Nang Naemah Nik Dahalan
Universiti Malaya

Abstrak

Artikel ini memfokuskan kredibiliti Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Sakhawi (m.902 H/1496 M) sebagai seorang sejarawan dengan menganalisis metode beliau dalam penulisan karya-karya sejarah. Penilaian terhadap kredibiliti seseorang sejarawan Muslim mengambil kira beberapa kriteria utama seperti latar belakang, penggunaan sumber dan analisis terhadap sumber. Metode penilaian tersebut akan diguna pakai dalam menilai kredibiliti al-Sakhawi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa al-Sakhawi menepati ciri-ciri penulis sejarah yang berkredibiliti kerana beliau mempunyai latar belakang yang kukuh sebagai sejarawan. Beliau juga menggunakan sumber-sumber sejarah yang tepat dan menunjukkan daya analisis yang jitu.

Kata kunci : kredibiliti, Muhammad bn 'Abd Al-Rahman Al-Sakhawi, sejarawan, thiqah, historiografi Islam

Abstract

This article focused on the credibility of Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Sakhawi (m.902 H/1496 M) as a historian by analyzing his methods in his works. To analyze any Muslims historian, several criteria will be examined which is the scholarly background, the sources and the analysis of the sources. These three criteria will be used to assess al-Sakhawi credibility. Research findings shows that al-Sakhawi is a credible historian because of his strong background as a historian, he use the right sources and show a great analysis on his sources.

Keywords: credibility, Muhammad bin 'Abd Al-Rahman Al-Sakhawi, historian, thiqah, Islamic historiography

¹ Corresponding author : Mohd Akmal bin Sidik, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, email: akmal.sidik@gmail.com

PENDAHULUAN

Kredibiliti seseorang sejarawan merupakan satu aspek yang sangat penting. Ia mempengaruhi pembaca sesebuah karya sejarah menerima atau menolak fakta-fakta sejarah yang dibawa oleh sejarawan tersebut. Menurut Kamus Dewan, kredibiliti bermaksud kebolehpercayaan atau sifat yang boleh dipercayai dan diyakini (Noesah, 1994 : 711). Kredibiliti turut diterjemah sebagai kualiti yang membuatkan seseorang atau sesuatu itu dipercayai (Wehmeier, 2005: 345). Oleh itu, seseorang sejarawan yang mempunyai kredibiliti ialah seorang sejarawan yang boleh dipercayai riwayat-riwayat sejarahnya.

Dalam tradisi keilmuan Islam, perbincangan tentang kredibiliti boleh dirujuk kepada konsep *thiqah*. *Thiqah* merupakan salah satu konsep yang sangat penting dalam ilmu hadis kerana ia bersangkutan-paut dengan kualiti atau kesahihan sesebuah hadith. Bagi menilai *thiqah* seseorang perawi, dua aspek yang paling utama iaitu *al-'adalah* dan *al-dabt* menjadi pertimbangan. *Al-'adalah* merupakan sifat yang mendorong seseorang beriltizam dengan sifat takwa dan melayakkannya meriwayatkan hadis. Seseorang perawi yang adil mestilah memenuhi lima syarat yang utama iaitu Muslim, baligh, berakal, bertakwa (menjauhi dosa-dosa besar dan tidak berterusan melakukan dosa-dosa kecil) dan menjaga maruah (tidak melakukan perkara-perkara yang menjatuhkan maruahnya seperti membuang air di tepi jalan dan seumpamanya) (Mahir, 2000).

Al-dabt pula bermaksud kemampuan seseorang meriwayatkan sesuatu, sama seperti apa yang didengarnya. Terdapat dua jenis periwayatan iaitu periwayatan secara hafalan dan periwayatan secara tulisan. Seorang yang *dabit* merupakan seorang yang baik hafalannya jika dia seorang penghafal. Sekiranya dia meriwayatkan dengan menulis, maka dia seorang yang menjaga penulisannya. Sekiranya dia membaca hadis dengan makna, maka disyaratkan bahawa dia adalah seorang yang mengetahui perkara-perkara yang boleh mengubah makna riwayatnya (Ab Syuhbah, 1982).

Al-'adalah dan *al-dabt* juga merupakan sebahagian daripada syarat yang dikenakan ke atas sejarawan. Ini merupakan pendapat dua sejarawan terkemuka iaitu Al-Kafiji (m.879H) dan al-Sakhawi (m.902 H). Al-Kafiji dalam kitabnya *al-Mukhtasar fi 'Ilm al-Tarikh* menyebutkan bahawa syarat-syarat yang dikenakan ke atas seseorang sejarawan adalah sebagaimana syarat-syarat yang dikenakan ke atas perawi hadis iaitu berakal, *dabit*, Islam dan adil (Al-Kafiji, 1990). Syarat yang sama turut disebut oleh al-Sakhawi dalam kitabnya *al-I'lan bi al-Tawbikh li Man Dhamma al-Tarikh*. Walaupun terdapat persamaan antara syarat perawi hadis dengan syarat sejarawan, proses saringan ke atas sejarawan tidaklah mencapai tahap saringan yang dikenakan ke atas para perawi hadis. Ini kerana, para ulama telah mengqiyaskan riwayat sejarah dengan fadilat amal yang mana dibenarkan untuk melonggarkan syarat-syarat penerimaan sesebuah riwayat. Al-Khatib al-Baghdadi meriwayatkan kata-kata Imam Ahmad ibn Hanbal bahawa

beliau berkata; “Sekiranya kami meriwayatkan dari Rasulullah SAW tentang (perkara) halal, haram, sunat dan hukum hakam, kami ketatkan pada sanad. Sekiranya kami meriwayatkan dari Rasulullah SAW tentang fadilat amal dan apa-apa yang tidak meletakkan atau mengangkat sesuatu hukum, kami longgarkan pada sanad” (Al-Baghdadi, 1971).

Pelonggaran syarat-syarat ini dapat dikenal pasti dalam penerimaan riwayat-riwayat sejarah yang dikemukakan oleh Ibn Ishaq (m.151 H) (Dhahabi, 1988). Ibn Ishaq merupakan seorang perawi yang kontroversi dalam kalangan ulama *al-jarh wa al-ta'dil* (Saifuddin, 2013). Ini kerana beliau dikritik sebagai seorang yang tidak kuat periwayatannya, tidak boleh dijadikan hujah, dituduh sebagai Qadariah dan dituduh sebagai Muktazilah. Antara ulama yang mengkritik beliau termasuklah Hisyam bin 'Urwah (m. 145 H), Imam Malik bin Anas (m.179 H), al-Nas' (m. 303 H), al-Duruqutni (m.385 H) dan selainnya. Walaupun begitu, segala penolakan dan kritikan terhadap Ibn Ishaq tersebut telah dijawab dengan teliti oleh Profesor Wan Kamal Mujani. Beliau menyimpulkan bahawa penolakan sebahagian ulama terhadap Ibn Ishaq memerlukan penilaian semula kerana sebahagian ulama terkemuka telah menerima riwayat-riwayat dari Ibn Ishaq (Wan Kamal, 1999). Profesor Wan Kamal Mujani turut menyatakan bahawa terdapat hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Ishaq turut diambil oleh Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam al-Tirmizi, Imam Abu Daud, Imam Ibn Majah dan Imam al-Nasa'i (Wan Kamal, 1999).

Kenyataan Imam Ahmad dan perbezaan pendapat para ulama tentang kedudukan Ibn Ishaq di atas adalah bukti yang kukuh bagi menunjukkan perbezaan dalam aspek periwayatan sejarah dengan periwayatan hadis. Walaupun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa konsep *thiqah* merupakan konsep yang sangat penting untuk dipertimbangkan sebagai model penilaian kredibiliti seseorang sejarawan.

AL-SAKHAWI SEBAGAI SEJARAWAN

Nama penuh al-Sakhawi ialah *al-Hafiz al-Mu'arrikh al-Rahhalah* Muhammad bin 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Abi Bakr bin 'Uthman bin Muhammad al-Qāhiri al-Syafi'i ('Annan, 1969). Beliau dilahirkan di Kaherah pada bulan Rabiul Awal tahun 831H (Disember 1428M). Pendidikan awal beliau bermula seawal usia empat tahun apabila beliau dimasukkan ke maktab yang mengajar al-Quran dan tajwid kepada kanak-kanak. Kemudian, beliau telah mempelajari pelbagai bidang ilmu lain seperti al-Quran, tajwid, tafsir, nahu, saraf, balaghah, 'Ar, Bayn, ma'ani, fiqh, usul al-Fiqh, hadith, mantiq dan matematik. Al-Sakhawi telah berguru dengan lebih 400 orang guru (Syakir, 1990) yang terdiri daripada pelbagai latar belakang sama ada dari tempat yang berbeza seperti Mesir, Damsyiq, Mekah, Madinah dan selainnya; atau mazhab-mazhab fiqh yang berbeza; atau daripada pelbagai bidang kepakaran seperti ahli hadis, ahli fiqh, ahli bahasa, sejarawan dan sebagainya (Badrun, 2000).

Al-Sakhawi merupakan seorang penulis yang banyak menghasilkan karya dalam pelbagai bidang seperti hadis, sejarah, fiqh dan lain-lain (Akmal, 2013). Jumlah terkumpul karya-karya beliau berdasarkan apa yang dinyatakan oleh beliau dalam beberapa buah karya seperti *Irsyad al-Ghawi*, *al-Daw' al-Lami'* dan selainnya adalah berjumlah melebihi 160 buah karya. Al-Sakhawi menyatakan dalam autobiografinya, *Irsyad al-Ghawi*, bahawa beliau telah menghasilkan lebih dari 160 buah karya. Jumlah ini tidak mewakili jumlah keseluruhan karya-karya al-Sakhawi, sebaliknya ia hanyalah karya-karya al-Sakhawi yang paling utama sahaja (al-Hasso, 1973).

Beberapa kajian tentang riwayat hidup al-Sakhawi seperti kajian yang dilakukan oleh Al-Hasso (al-Hasso, 1973) dan Badrun (Badrun, 2000) menunjukkan bahawa jumlah karya al-Sakhawi melebihi 200 buah karya. Al-Hasso menyatakan jumlah karya al-Sakhawi adalah sebanyak 220 buah karya dan Badrun pula menyatakan sebanyak 259 buah karya. Sebuah kajian lain yang menfokuskan karya-karya al-Sakhawi iaitu kajian yang dihasilkan oleh Masyhur dan Ahmad telah menyatakan sebanyak 270 buah karya (Masyhur&Ahmad, 1998).

Perbezaan jumlah karya al-Sakhawi antara tiga orang pengkaji riwayat hidup al-Sakhawi ini boleh dijelaskan seperti berikut. Pertama; Al-Hasso merupakan kajian terawal yang menyenaraikan karya-karya yang dihasilkan oleh al-Sakhawi. Manakala Badrun pula menerbitkan kajiannya pada tahun 2000, 27 tahun selepas kajian Al-Hasso. Oleh itu, ada kemungkinan Badrun menjumpai tambahan 29 buah karya al-Sakhawi berbanding Al-Hasso. Kedua; Masyhur turut memasukkan dalam senarainya, karya-karya yang didakwa telah ditulis oleh al-Sakhawi manakala Badrun tidak memasukkan karya-karya tersebut dalam senarainya. Oleh itu, sekiranya ditolak karya-karya yang didakwa telah ditulis oleh al-Sakhawi, maka jumlahnya ialah sebagaimana yang diberikan oleh Badrun. Walaupun pengkaji riwayat hidup al-Sakhawi berbeza pendapat tentang jumlah maksimum karya-karya al-Sakhawi, sekurang-kurangnya mereka bersependapat bahawa karya-karya yang dihasilkan oleh beliau adalah melebihi 160 buah karya.

Al-Sakhawi memberi sumbangan yang tidak sedikit dalam bidang penulisan sejarah. Penulisan beliau tertumpu dalam genre biografi merangkumi karya-karya yang berbentuk *sirah*, *tarajim* dan *'ilm al-rijal*. *Sirah* ialah penulisan terperinci tentang riwayat hidup seseorang tokoh seperti kitab *al-Jawahir wa al-Durar fi Tarjamat Syaikh al-Islam Ibn Hajar*. *Tarajim* pula ialah riwayat hidup ringkas tentang seseorang tokoh. Ia kebiasaannya mengandungi maklumat seperti nama, keturunan, gelaran, kunyah, tarikh kematian, pendidikan, guru dan seumpamanya. Antara kitab al-Sakhawi dalam kategori ini ialah *al-Daw' al-Lami' li Ahl al-Qarn al-Tasi'* dan *Rujhan al-Kiffah fi Akhbar Ahl al-Suffah*. Manakala *'ilm al-rijal* pula merujuk kepada riwayat hidup ringkas para perawi hadis-hadis Rasulullah SAW. Al-Sakhawi tidak menghasilkan kitab-kitab tentang perawi hadis dalam kitab yang tersendiri tetapi memuatkannya dalam kitab-kitab beliau yang lain seperti *Fath al-*

Mughith bi Syarh Alfyyat al-Hadith dan al-Maqasid al-Hasanah fi Bayan Kathir min al-Ahadith al-Musytarah 'ala al-Lisan.

Selain dari genre biografi, al-Sakhawi turut menulis sebuah kitab historiografi berjudul *al-I'lan bi al-Tawbikh li Man Dhamma al-Tarikh*. Kitab ini membentangkan beberapa idea al-Sakhawi tentang definisi, kepentingan, tujuan dan hukum sejarah. Selain itu, beliau turut membincangkan perihai ciri-ciri sejarawan dan menjawab beberapa tohmahan terhadap ilmu sejarah (al-Sakhawi, 1990). Kecenderungan al-Sakhawi melalui kitab ini ialah beliau ingin memperkukuhkan idea bahawa ilmu sejarah merupakan satu ilmu pembantu yang sangat penting dalam kurikulum pengajian Islam. Ini sebagaimana yang ditegaskan oleh Franz Rosenthal di dalam bukunya, *The History of Muslim Historiography* apabila beliau membuat ulasan tentang kitab *al-I'lan bi al-Tawbikh*. Rosenthal menyatakan;

“In the I'lan, the author has erected a worthy monument to Arabic historiography. As the title indicates, the work was of an apologetic character. It was written in order to defend the study of history as an auxiliary subject in the curriculum of religious studies” (Rosenthal, 1968).

Pengkaji berpendapat bahawa al-Sakhawi cuba mengangkat martabat ilmu sejarah melalui *al-I'lan*, ke tahap yang lebih tinggi setanding ilmu-ilmu Islam yang lain seperti ulum quran, usul fiqh, mustalah hadis dan selainnya. Ini kerana, al-Sakhawi menyatakan secara panjang lebar tentang kepentingan ilmu sejarah. Sejarah menurut al-Sakhawi merupakan benteng yang menghalang penyerapan unsur-unsur penyelewengan atau penipuan ke dalam agama Islam. Ia berfungsi dengan mengenal pasti kesahihan riwayat-riwayat yang berkaitan nas-nas agama iaitu al-Quran dan hadis. Bagi memperkukuhkan pendapat ini, al-Sakhawi telah memetik kata-kata Sufyan al-Thawri (m. 161H/778M) yang diriwayatkan oleh al-Khatib al-Baghdadi:

“Apabila seseorang perawi itu menggunakan penipuan, maka kami menggunakan sejarah untuk menghadapinya”
(al-Baghdadi, 1971).

Sejarah yang dimaksudkan di sini ialah riwayat hidup perawi tersebut.

KREDIBILITI AL-SAKHAWI SEBAGAI SEJARAWAN

Penelitian yang dibuat ke atas karya-karya sejarah al-Sakhawi menunjukkan beliau merupakan seorang sejarawan yang mencatatkan secara terperinci setiap sumber yang beliau gunakan. Sebagai contoh dalam kitabnya *al-Daw' al-Lami'*, al-Sakhawi telah mencatatkan beberapa orang sejarawan beserta kitab mereka pada bahagian mukadimah yang beliau gunakan sebagai sumber. Antara tokoh yang dinyatakan oleh al-Sakhawi ialah al-Maqrizi (m.845 H/1441 M), Ibn Hajar al-'Asqalani (m.852 H/1448 M) dan al-'Ayn(m.855 H/1451 M).

Al-Sakhawi turut menyebut sumbernya jika beliau mengambil riwayat dari dokumen seperti ijazah. Salah satu riwayat yang menggunakan dokumen ijazah ialah riwayat tentang sifat al-Karki (m.880 H/1475 M) di mana beliau menulis... ورأيت وصفه في الأجاز من غير واحد بالشيخ الصالح المقرئ المتقن... (aku melihat sifatnya dalam ijazah yang dikurniakan oleh al-Syaikh al-Salih al-Muqri' al-Mutqin...). (al-Sakhawi, 1992).

Sekiranya riwayat diperoleh dari lisan tokoh itu sendiri (al-Sakhawi, 1992), al-Sakhawi akan menulis ayat seperti هكذا أملاً عليّ نسبه (begitulah apa yang diberitahukan kepadaku tentang nasabnya) yang boleh dilihat dalam biografi di bawah:

احمد بن صدقة بن احمد بن حسين بن عبد الله بن محمد بن
محمد الشهاب ابو الفضل ابن فتح الدين ابو القتح بن ابى العباس
العسقلاني المكي الاصل القاهري الشافعي و يعرف بابن الصيرفي،
هكذا أملاً علي نسبه و اراني مكتوبا ...

Ahmad bin Sadaqah bin Ahmad bin Husayn bin 'Abd Allah bin Muhammad bin Muhammad al-Syihab Abu al-Fadl ibn Fath al-Din Abu al-Fath bin Abi al-'Abbas al-'Asqalani al-Makki al-Asl al-Qahiri al-Syafi'i dan dikenali sebagai Ibn al-Sayrafi, begitulah apa yang diberitahukan kepadaku tentang nasabnya dan beliau melihat aku menulisnya ... (al-Sakhawi, 1992).

Apabila al-Sakhawi menulis tentang sejarah sesebuah wilayah, beliau telah menggunakan sumber yang tinggal di wilayah yang dinyatakan. Ini menunjukkan bahawa beliau sedar tentang kepentingan menggunakan sumber-sumber tempatan apabila menulis sejarah. Sumber-sumber tempatan yang dimaksudkan adalah tokoh-tokoh sejarawan yang hidup dan tinggal di tempat yang dinyatakan. Antara contoh sumber yang digunakan oleh al-Sakhawi mengikut wilayah adalah seperti berikut:

- i. Mesir - Ibn Hajar al-Asqalani (m.852H/1448M), al-Maqrizi (m.845H/1441M) dan al-'Ayni (m.855H/1451M).
- ii. Syria - Abu Bakr bin Qadi Syuhbah (m.851H/1447M), Ibrahim bin Muhammad Sibt bin al-'Ajmi (m.841H/1437M) dan Ahmad bin Khalil bin al-Lubbudi (m.895H/1489M).
- iii. Hijaz - Al-Taqi Muhammad bin Ahmad al-Fasi (m.832H/1428M).

- iv. Yaman - Husayn bin 'Abd al-Rahman bin al-Ahdal (m.855H/1451H) dan Abu Musa al-Mukasykisy (m.904 H/1498 M).
- v. India - Al-Fakhr Abi Bakr al-Sulami (m.863H/1458M), Rajih al-Ahmad' abadi (m.871 H/1466 H).

Al-Sakhawi juga tidak sekadar meriwayatkan sahaja apa yang beliau terima daripada sumber-sumbernya tanpa sebarang kritikan. Ini kerana beliau sentiasa berusaha menilai dan mengkritik setiap riwayat yang diterimanya bagi memastikan kesahihan riwayat dinyatakan. Hal ini telah dilakukannya dalam salah satu riwayat yang beliau terima dari Ibn Hajar al-'Asqalani tentang nama seorang tokoh iaitu Ibn Farhun. Ibn Hajar al-'Asqalani melalui kitabnya *al-Durar al-Kaminah* menyatakan bahawa nama Ibn Farhun adalah 'Abd Allah bin Muhammad bin Muhammad bin Abi al-Qasim Farhun bin Muhammad bin Farhun (Ibn Hajar, 1966). Nama penuh Ibn Farhun sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Hajar al-'Asqalani ini menurut al-Sakhawi, terdapat kesilapan kerana berdasarkan tulisan Ibn Farhun sendiri yang dibaca oleh al-Sakhawi, tiada penambahan Muhammad yang kedua sebelum Abi al-Qasim. Oleh itu, sepatutnya nama beliau ialah 'Abd Allah bin Muammad bin Abi al-Qasim Farhun bin Muhammad bin Farhun (al-Sakhawi, 1993).

Keahlian al-Sakhawi dalam bidang hadis turut mempengaruhi penelitian kritikal (*critical evaluation*) beliau dalam penulisan riwayat hidup tokoh-tokoh sezaman. Malahan penelitian al-Sakhawi telah mengundang kritikan oleh sejarawan sezamannya seperti al-Suyuti dan Ibn Iyas. Ibn Iyas dalam kitabnya *Bada'i' al-Zuhur* menyifatkan kitab al-Sakhawi iaitu *al-Daw' al-Lami'* sebagai sebuah kitab yang penuh penghinaan terhadap orang-orang yang beliau [al-Sakhawi] tulis tentangnya (Ibn Iyas, 1931). Walaupun begitu, penelitian kritikal atau kritikan pedas yang digunakan oleh al-Sakhawi tidak bermaksud beliau ingin menjatuhkan kredibiliti seseorang tokoh, sebaliknya ia berkaitan soal prinsip beliau dalam mempertahankan kebenaran. Perkara ini menunjukkan bahawa kritikan pedas al-Sakhawi bukannya berasaskan perasaan tetapi prinsip beliau dalam mempertahankan kebenaran sebagai seorang yang mahir dalam bidang hadis (al-Hasso, 1973).

Berdasarkan huraian-huraian di atas, pengkaji merumuskan bahawa al-Sakhawi merupakan seorang sejarawan yang mempunyai kredibiliti dan boleh dipercayai berdasarkan sebab-sebab berikut;

- i. Mencatatkan setiap sumber periwayatan yang digunakan.
- ii. Menggunakan sumber tempatan apabila menulis tentang sejarah sesuatu tempat.
- iii. Bersikap objektif dalam meriwayatkan sesebuah riwayat sejarah tanpa dibayangi oleh perasaan atau sentimen.
- iv. Sentiasa berusaha memastikan kesahihan sesebuah riwayat yang diterima bagi mengelakkan berlakunya salah maklumat.

Bagi mengukuhkan faktor-faktor yang dinyatakan di atas, pengkaji menukulkan kenyataan beberapa ulama mengenai al-Sakhawi. al-Syawkanī (m.1255 H) menyatakan:

ولو لم يكن لصاحب الترجمة من التصانيف الا الضوء اللامع لكان
اعظم دليل على امامته

Maksudnya: Kalaulah tidak wujud bagi pemilik biografi (al-Sakhawi) karya-karya selain *al-Daw' al-Lami'*, maka ia telah mencukupi sebagai bukti terhebat ketokohan beliau (al-Syawkn, 1998).

Imam al-'Aydarus (m. 1308 H) menyatakan tentang al-Sakhawi sebagai الشيخ العلامة الرحالة الحافظ (Syaikh yang sangat alim, pengembara dan al-Hafiz) (al-'Aydarus, 1985). Al-Ghizzi (m.1061 H) pula menyatakan beliau sebagai الشيخ العالم العلامة المسند الحافظ المتقن (Syaikh yang alim lagi sangat alim, al-Musnid, al-Hafiz, al-Mutqin) (al-Ghizzi, 1979). Kesemua pengiktirafan yang diberikan oleh para ulama ini merupakan satu bentuk penerimaan terhadap peribadi al-Sakhawi dan sekaligus merupakan penerimaan terhadap karya-karya sejarah beliau.

Berdasarkan hujah-hujah yang diberikan di atas, pengkaji secara tegas berpendapat bahawa al-Sakhawi merupakan seorang yang *thiqah* dalam periwayatan sejarah. Penggunaan istilah *thiqah* bagi merujuk kepada sejarawan yang berkredibiliti, merupakan satu perkara yang baru dalam bidang sejarah. Ini kerana konsep *thiqah* pada asalnya, hanya diguna pakai dalam ilmu mustalah hadis ketika menilai perawi hadis dan tidak pernah digunakan untuk menilai seorang sejarawan. Oleh kerana itulah, tiada penulis biografi al-Sakhawi yang menyifatkan beliau sebagai seorang yang *thiqah*.

Pengkaji berpendapat bahawa perkataan *thiqah* adalah wajar digunakan kepada sejarawan kerana perkataan *thiqah* adalah lambang ketinggian peribadi, etika periwayatan, penguasaan ilmu dan penerapan kemahiran yang boleh dicapai oleh seseorang sejarawan. Tambahan pula, penggunaan perkataan *thiqah* telah terhenti dengan berakhirnya era periwayatan hadis apabila hadis-hadis telah sempurna dibukukan. Sekiranya perkataan *thiqah* tidak digunakan kepada sejarawan, maka al-Sakhawi hanya dikenali sebagai seorang ulama terkemudian (متأخرين), iaitu ulama yang lahir setelah era periwayatan hadis (al-Syahrāzuri, 2002), walaupun beliau merupakan seorang ulama yang mengguna pakai kaedah-kaedah hadis apabila beliau menulis sejarah.

PENUTUP

Berdasarkan perbincangan di atas, kredibiliti seseorang sejarawan merangkumi dua kualiti iaitu kualiti penulisan sejarah dan kualiti peribadi sejarawan. Kualiti penulisan sejarah boleh dinilai berdasarkan metode penggunaan

sumber dan daya analisis. Manakala kualiti peribadi sejarawan boleh dinilai berdasarkan testimoni tokoh-tokoh lain terhadap sejarawan tersebut. Perkara ini merupakan pengembangan daripada konsep *thiqah* dalam ilmu hadis, di mana konsep *thiqah* menilai tahap 'adalah dan *dabt* seseorang perawi hadis.

Penilaian terhadap kredibiliti al-Sakhawi dalam perbahasan di atas juga dilakukan berasaskan dua kualiti tersebut. Aspek penggunaan sumber dan analisis al-Sakhawi terhadap fakta-fakta sejarah di samping testimoni para ulama terhadap peribadi beliau, membolehkan penulis menyimpulkan bahawa al-Sakhawi merupakan seorang sejarawan yang berkredibiliti dalam penulisan sejarah.

RUJUKAN

- 'Annan, Muhammad 'Abd Allah (1969), *Muarrikhu Misr al-Islamiyyat wa Masadir al-Tarikh Misr*, Kaherah: Mu'assasah Mukhtar Li al-Nasyr Wa al-Tawzi'
- Ab Syuhbah, Muhammad (1982), *al-Wasit fi 'Ulum wa Mustalah al-Hadis*, Kaherah: Dar al-Fikr
- Ahmad Saifuddin Yusuf (2013), *Ibn Ishaq, Fakta & Analisis: Autoriti Ibn Ishaq Menurut Ulama' Hadith*, TTP:TP
- Al-'Aydarus, 'Abd al-Qdir bin Syaikh (1985), *al-Nur al-Safir 'an Akhbar al-Qarn al-'Asyir*, Beirut: Dar al-Kutub al'Ilmiyyah
- Al-Baghdadi, Khatib (1971), *al-Kifayah fi 'Ilm al-Riwayah*, Beirut: Dr al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Dhahab (1900), *Tazkirat al-Huffadh*, j. 1, Hydreabad: D'irat al-Ma'rif al-Nimiyyah
- _____ (1988), *Siyar A'lam al-Nubala'*, j.7, Beirut: Mu'assasah al-Risalah
- Al-Ghizzi, Muhammad bin Muhammad (1979), *al-Kawakib al-Sa'irat bi A'yan al-Mi'at al-Asyirah*, j.1, Beirut: Dar al-fq al-Jaddah
- Al-Hasso, Ahmad 'Abdallah (1973), *Shams al-Din al-Sakhawi as a Historian of the 9th/15th Century: With an Edition of that Section of His Chronicles (Wajiz al-Kalam) Covering the Period 800-849*, (Tesis PhD, Universiti St. Andrews)
- Al-Kafiji, Muhy al-Dn (1990) *al-Mukhtasar fi 'Ilm al-Tarikh*, Beirut: 'Alam al-Kutub
- Al-Sakhawi (1992), *al-Daw' al-Lami' li Ahl al-Qarn al-Tasi'*, Beirut: Dr Maktabah al-Hayah
- _____ (1990), *I'lan bi al-Tawbikh li Man Dhamma al-Tarikh*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- _____ (1993), *al-Tuhfat al-Latifah fi Tarikh al-Madinah al-Syarifah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sulma, Muhammad bin Samil (1988), *Manhaj Kitabat al-Tarikh al-Islami wa Tadrisuhu*, Kaherah : Dar al-Wafa'
- Al-Suyuti (1927), *Nuzum al-'Uqyan fi A'yan al-A'yan*, Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah

- Al-Syahrazuri, 'Uthman bin 'Abd al-Rahman (2002), *Muqaddimah Ibn al-Salah*, Damsyik: Dar al-Fikr
- Al-Syawkani (1998), *al-Badr al-Tali'*, j. 1, Beirut: Dr al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Zirikli (1983), *Al-A'lam*, Beirut: Dar al-Ilm al-Malayin
- Badrun bin Muhammad (2000), *al-Hafiz al-Sakhawi wa Juhuduhu fi al-Hadith wa Ulumihi*, Riyadh: Maktabah al-Rusyd
- Ibn Iyas (1931), *Bada'i' al-Zuhur fi Waqa'i' al-Duhur*, j. 3, Istanbul: Matba'ah al-Dawlah
- Judd, Steven C, (2002), "Competitive Hagiography in Biographies of al-Awza'i and Sufyan al-Thawri" *Journal of American Oriental Studies*, Jan-March
- Mahir Mansur (2000), *Tuhfat al-Mustafid fi al-Jarh wa al-Ta'dil*, Kaherah: Dar al-Yaqin
- Sidik, Mohd Akmal Bin, and Ahmad Zaki Berahim. "Metodologi Al-Sakhawi dalam Penulisan Kitab Al-Tuhfat Al-Latifah fi Tarikh Al-Madinah Al-Syarifah" *Journal of Al-Tamaddun* 8.1 (2013).
- Syakir Mustafa (1990), *al-Tarikh al-'Arabi wa al-Mu'arrikhun*, j. 3, Beirut: Dar al-'Ilmi li al-Malayin
- Wan Kamal Mujani (1999), *Pandangan Ulama Terhadap Karya dan Ketokohan Muhammad*
- Ibn Ishaq, *Islamiyyat*, Bil. 20, 1999 M/1419 H. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1994), peny. Noresah bt. Bahrom *et al.*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Oxford Advanced Learner's Dictionary* (2005), peny. Wehmeier, Sally *et.al.*, Oxford: Oxford University Press